



CUKAI PERKHIDMATAN 2018

PANDUAN: PERKHIDMATAN PEMBERSIHAN

Diterbitkan oleh :

**Jabatan Kastam Diraja Malaysia
Bahagian Cukai Dalam Negeri
Putrajaya**

22 Januari 2019

Penerbitan

Tarikh: 22 Januari 2019.

Panduan Perkhidmatan Pembersihan pada 9 Januari 2019 ditarik balik dan digantikan dengan Panduan Perkhidmatan Pembersihan yang dikemaskini pada 9 Januari 2019.

Notis Hakcipta

Hak Cipta 2019 Jabatan Kastam Diraja Malaysia

Hak Cipta terpelihara. Tertakluk kepada Akta Hakcipta, 1987 (Malaysia).

Panduan ini boleh ditarik balik, sama ada secara keseluruhannya atau sebahagiannya, dengan penerbitan panduan baru. Tiada bahagian daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula, disimpan dalam sistem pengambilan atau dihantar dalam apa-apa bentuk, termasuk di tempat untuk tujuan komersil tanpa kebenaran bertulis daripada Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM). Dalam menghasilkan semula atau mengutip kandungan, pengiktirafan sumber diperlukan.

Penafian

Maklumat ini bertujuan untuk memberikan pemahaman umum mengenai layanan yang relevan di bawah Perundangan Cukai Perkhidmatan dan bertujuan untuk memberikan pemahaman umum tentang kewajipan pembayar cukai. Ia tidak bertujuan untuk mengatasi semua masalah cukai yang mungkin timbul secara komprehensif. Walaupun JKDM telah mengambil inisiatif untuk memastikan bahawa semua maklumat yang terkandung di dalam Panduan ini adalah betul, JKDM tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang kesilapan dan ketidaktepatan yang mungkin terkandung, atau apa-apa kerugian kewangan atau lain-lain yang dilakukan oleh individu menggunakan maklumat dari Panduan ini. Semua maklumat adalah semasa persediaan dan tertakluk kepada perubahan apabila perlu.

KANDUNGAN

Pengenalan.....	1
Terminologi	1
Pengenaan dan Skop Cukai.....	2
Perkhidmatan Pembersihan	2
Layanan Cukai Perkhidmatan ke Atas Perkhidmatan Pembersihan	3
Perkhidmatan Yang dikenakan Cukai	3
Perkhidmatan Yang Tidak Tertakluk Cukai Perkhidmatan	4
Perkhidmatan bercukai di dalam atau di antara kawasan Ditetapkan (KD).....	5
Perkhidmatan bercukai di dalam atau di antara kawasan khas (KK). 7	
Pendaftaran dan Tanggungjawab orang yang berdaftar.....	8
Soalan-soalan lazim.....	10
Pertanyaan.....	12
Bantuan selanjutnya dan informasi berkaitan SST.....	12

PENGENALAN

1. Cukai Perkhidmatan adalah cukai kepenggunaan yang ditadbir oleh Akta Cukai Perkhidmatan 2018 dan perundangan subsidiarinya. Tarikh kuat kuasa Akta Cukai Perkhidmatan 2018 adalah 1 September 2018.
2. Cukai perkhidmatan dikenakan ke atas perkhidmatan yang ditetapkan dipanggil "perkhidmatan bercukai".
3. Seseorang yang menyediakan perkhidmatan bercukai yang melebihi nilai ambang yang ditetapkan perlu didaftarkan di bawah Akta Cukai Perkhidmatan 2018 dan dikenali sebagai "orang berdaftar" yang dikehendaki mengenakan cukai perkhidmatan ke atas perkhidmatan bercukai yang dibekalkan kepada pelanggannya.
4. Panduan industri ini disediakan untuk membantu perniagaan memahami layanan cukai perkhidmatan ke atas perkhidmatan pembersihan.

TERMINOLOGI

5. **"Bangunan industri"** bermaksud semua jenis bangunan atau binaan yang digunakan bagi tujuan perindustrian.
6. **"Bangunan komersial"** bermaksud semua jenis bangunan atau binaan kecuali bangunan atau binaan yang digunakan untuk kediaman atau pertanian.
7. **"Barang"** bermaksud apa-apa jenis harta alih.
8. **"Kawasan Khas"** (KK) bermaksud sebarang zon bebas, gudang berlesen dan gudang pengilangan berlesen dan kawasan pembangunan bersama. (*Seksyen 52, Akta Cukai Perkhidmatan 2018*);
9. **"Kawasan Ditetapkan"** (KD) bermaksud Labuan, Langkawi dan Tioman. (*Seksyen 47, Akta Cukai Perkhidmatan 2018*)
10. **"Pembersihan"** bermaksud perbuatan menghapuskan kotoran atau sesuatu yang tidak diinginkan.

11. “**pertanian**” bermaksud penanaman, pembiakan dan perikanan termasuk akuakultur.
12. “**tanah**” sepertimana yang ditafsirkan pada Seksyen 2, Akta Tafsiran 1948 dan 1967.

PENGENAAN DAN SKOP CUKAI

13. Mulai 1 Januari 2019, mana-mana orang yang memberikan perkhidmatan pembersihan yang berhubung dengan barang, tanah atau bangunan komersial atau industri adalah tertakluk kepada cukai perkhidmatan seperti yang diperuntukkan di bawah Butiran 13, Kumpulan I, Jadual Pertama, Peraturan-Peraturan Cukai Perkhidmatan 2018.

PERKHIDMATAN PEMBERSIHAN

14. Perkhidmatan pembersihan bermaksud apa-apa aktiviti pembersihan dilakukan samada secara manual, kimia atau mekanikal bagi-menghilangkan kotoran atau lain-lain perkara yang tidak diingini pada suatu barang, bangunan atau lokasi.

Contoh 1: Perkhidmatan pembersihan ke atas barang

Kedai Emas MLH menawarkan khidmat mencuci barang kemas dengan menggunakan bahan kimia tertentu. Perkhidmatan mencuci barang kemas yang diberikan oleh Kedai Emas MLH adalah suatu perkhidmatan pembersihan.

Contoh 2: Perkhidmatan pembersihan ke atas tanah

Syarikat Ocean Green telah dilantik oleh Ship Line Agency untuk membersih tumpahan minyak kapal milik Ship Line International di

perairan Pulau Ketam, Selangor. Perkhidmatan membersihkan tumpahan minyak ini adalah suatu perkhidmatan pembersihan berhubung dengan tanah.

Contoh 3: Perkhidmatan pembersihan ke atas bangunan

Mz Enterprise telah diberi kontrak untuk membersihkan bilik persidangan yang akan digunakan untuk satu persidangan antarabangsa. Mz Enterprise menggunakan 6 buah pembersih vakum robot bagi kerja-kerja tersebut. Perkhidmatan Mz Enterprise adalah suatu perkhidmatan pembersihan berhubung dengan bangunan.

LAYANAN CUKAI PERKHIDMATAN KE ATAS PERKHIDMATAN PEMBERSIHAN

Perkhidmatan Yang Dikenakan Cukai

15. Cukai perkhidmatan dikenakan ke atas perkhidmatan bercukai yang diberikan oleh pembekal perkhidmatan pembersihan seperti di bawah Butiran 13, Kumpulan I, Jadual Pertama, Peraturan-Peraturan Cukai Perkhidmatan 2018.
16. Pembekal perkhidmatan pembersihan yang memberikan perkhidmatan pembersihan berhubung dengan barang, tanah atau bangunan komersial atau industri selain daripada perkhidmatan pembersihan barang, tanah atau bangunan untuk tujuan keagamaan, pendidikan, kediaman atau pertanian adalah tertakluk kepada cukai perkhidmatan.
17. Pembekal perkhidmatan pembersihan dikehendaki mengenakan cukai perkhidmatan pada kadar 6% kepada mana-mana pelanggan ke atas perkhidmatan pembersihan yang diberikan dan mengakaunkan cukai tersebut kepada kerajaan.

Contoh 4: Perkhidmatan pembersihan ke atas barang

ZHZ Dobi memiliki 10 outlet dobi layan diri dan nilai perkhidmatan tahunan melebihi nilai ambang. ZHZ Dobi perlu berdaftar di bawah Akta Cukai Perkhidmatan 2018 dan mengakaunkan cukai perkhidmatan ke atas perkhidmatan dobi layan diri tersebut.

Contoh 5: Perkhidmatan pembersihan ke atas tanah

Syarikat konsesi lebuh raya telah melantik MHA Enterprise untuk membuat pembersihan ke atas tanah rizab di sepanjang lebuh raya. Perkhidmatan pembersihan ke atas tanah tersebut adalah tertakluk kepada cukai perkhidmatan.

Contoh 6: Perkhidmatan pembersihan ke atas bangunan

NHA Cleaning Services mendapat tender untuk membersihkan binaan kaca bangunan setinggi 60 tingkat dengan kontrak yang bernilai RM 1,000,000. NHA Cleaning Services perlu berdaftar di bawah Akta Cukai Perkhidmatan 2018 dan mengenakan cukai perkhidmatan ke atas perkhidmatan pembersihan tersebut.

Perkhidmatan Yang Tidak Tertakluk Cukai Perkhidmatan

18. Pembekal perkhidmatan pembersihan yang memberi perkhidmatan pembersihan ke atas barang, tanah atau bangunan bagi tujuan keagamaan, pendidikan, kediaman dan pertanian adalah tidak tertakluk kepada cukai perkhidmatan.

Contoh 7: Perkhidmatan pembersihan ke atas bangunan bagi tujuan pendidikan

IFH Cleaning Sdn Bhd menyediakan pekhidmatan pembersihan kepada Pusat Tuisyen Aiman yang berdaftar di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia untuk memberikan khidmat tuisyen kepada pelajar-pelajar sekolah menengah. Perkhidmatan yang diberikan oleh IFH Cleaning Sdn Bhd kepada Pusat Tuisyen Aiman adalah perkhidmatan yang tidak bercukai.

Contoh 8: Perkhidmatan pembersihan ke atas tanah bagi pertanian

Ladang Sawit Perkasa dalam proses untuk menanam semula anak-anak pokok sawit dari klon yang baru dihasilkan secara berperingkat. Ladang Sawit Perkasa telah melantik Gagah Enterprise untuk kerja-kerja menebang pokok sawit dan pembersihan kawasan ladang dengan kontrak bernilai RM500,000. Perkhidmatan pembersihan oleh Gagah Enterprise adalah tidak tertakluk kepada cukai perkhidmatan.

Perkhidmatan Bercukai di dalam atau di antara Kawasan Ditetapkan (KD)

19. Perkhidmatan bercukai yang diberikan di dalam atau di antara KD atau di antara KD dengan KK tidak tertakluk kepada cukai perkhidmatan seperti yang diperuntukkan di bawah Seksyen 48, Akta Cukai Perkhidmatan 2018.

Contoh 9: Perkhidmatan pembersihan yang diberikan di dalam atau di antara KD

Amirul Enterprise adalah syarikat yang menjalankan kerja-kerja pembersihan di Labuan. LH Berhad melantik Amirul Enterprise untuk membuat kerja-kerja pembersihan tanah untuk pembinaan sebuah hotel di Labuan dengan nilai kontrak RM600,000. Amirul Enterprise tidak

perlu berdaftar cukai perkhidmatan oleh kerana perkhidmatan yang diberikan adalah tidak tertakluk kepada cukai perkhidmatan.

20. Cukai perkhidmatan hendaklah dikenakan oleh mana-mana orang yang tempat perniagaan utamanya terletak di KD ke atas apa-apa perkhidmatan pembersihan yang diberikan olehnya di Malaysia di bawah peruntukkan Seksyen 49, Akta Cukai Perkhidmatan 2018.

Contoh 10: Perkhidmatan pembersihan yang diberikan keluar dari KD

Cuci Enterprise adalah syarikat yang menjalankan kerja-kerja pembersihan di Labuan. HA Berhad melantik syarikat Cuci Enterprise untuk membuat kerja-kerja pembersihan tanah untuk pembinaan beberapa buah hotel dengan nilai kontrak RM1,000,000 semenanjung Malaysia. Amirul adalah bertanggungjawab untuk berdaftar cukai perkhidmatan dan mengenakan cukai perkhidmatan ke atas perkhidmatan yang diberikan oleh syarikatnya.

21. Di bawah Seksyen 50, Akta Cukai Perkhidmatan 2018, apa-apa perkhidmatan bercukai yang diberikan oleh mana-mana orang berdaftar yang tempat perniagaan utamanya terletak di Malaysia ke kawasan ditetapkan adalah tertakluk kepada cukai perkhidmatan.

Contoh 11: Perkhidmatan pembersihan yang diberikan dari Malaysia ke KD

Munni Enterprise mempunyai syarikat yang menjalankan kerja-kerja pembersihan di Malaysia. Humaira Berhad melantik syarikat Munni Enterprise untuk membuat kerja-kerja pembersihan bernilai RM800,000 ke atas bangunan komersial di Pulau Tioman. Munni Enterprise adalah

bertanggungung untuk berdaftar cukai perkhidmatan dan mengenakan cukai perkhidmatan ke atas perkhidmatan yang diberikan oleh syarikatnya.

Perkhidmatan Bercukai di dalam atau di antara Kawasan Khas (KK)

22. Perkhidmatan bercukai yang diberikan di dalam atau di antara KK atau di antara KK dengan KD tidak tertakluk kepada cukai perkhidmatan seperti yang diperuntukkan di bawah Seksyen 53, Akta Cukai Perkhidmatan 2018.

23. Walaubagaimanapun, di bawah Seksyen 54, Akta Cukai Perkhidmatan 2018, apa-apa perkhidmatan bercukai yang diberikan oleh mana-mana orang yang tempat perniagaan utamanya terletak di KK ke dalam Malaysia adalah tertakluk kepada cukai perkhidmatan.

24. Di samping itu, cukai perkhidmatan hendaklah dikenakan oleh mana-mana orang berdaftar yang tempat perniagaan utamanya terletak di Malaysia yang memberikan apa-apa perkhidmatan bercukai ke KK seperti yang diperuntukkan di bawah Seksyen 55, Akta Cukai Perkhidmatan 2018.


Contoh 12: Perkhidmatan pembersihan yang diberikan dari Malaysia ke KK

MM Catering adalah syarikat berdaftar cukai perkhidmatan yang memberi perkhidmatan katering di pelantar minyak di Kawasan Pembangunan Bersama. MM Catering juga diberi kontrak untuk melakukan perkhidmatan dobi ke atas pakaian pekerja-pekerja pelantar minyak tersebut. MM Catering adalah bertanggungung untuk berdaftar cukai perkhidmatan sekiranya nilai perkhidmatan dobi tersebut melebihi nilai ambang dan mengenakan cukai perkhidmatan ke atas perkhidmatan yang diberikan.

PENDAFTARAN DAN TANGGUNGJAWAB ORANG YANG BERDAFTAR


25. Perkhidmatan pembersihan merupakan satu perkhidmatan bercukai yang mula berkuatkuasa pada 1 Januari 2019.

26. Bagi tujuan pendaftaran di bawah Akta Cukai Perkhidmatan 2018, mana-mana orang yang memberikan perkhidmatan pembersihan hendaklah membuat pengiraan ke atas jualan perkhidmatan bercukai yang diberikan pada bulan Januari 2019 dan sebelas bulan sebaik sahaja bulan Januari 2019. Sekiranya jumlah nilai perkhidmatan bercukai tersebut melebihi RM500,000, permohonan untuk tujuan pendaftaran perkhidmatan bercukai tersebut hendaklah dipohon tidak lewat dari 28 Februari 2019.



27. Pendaftaran mula berkuatkuasa mulai 1 Mac 2019 seperti yang diperuntukkan di bawah Seksyen 13(3), Akta Cukai Perkhidmatan 2018 dan cukai perkhidmatan hendaklah dikenakan mulai 1 Mac 2019.

28. Mana-mana orang yang menjadi orang berdaftar sebelum 1 Januari 2019 dan memberi perkhidmatan bercukai baru ini di mana nilai perkhidmatan bercukai untuk tempoh Januari 2019 dan sebelas bulan ke hadapan dijangka melebihi RM500,000, permohonan penambahan aktiviti perkhidmatan baru ini hendaklah dibuat sebelum 28 Februari 2019. Cukai perkhidmatan ke atas perkhidmatan baru ini hendaklah dikenakan mulai 1 Mac 2019.



29. Orang berdaftar adalah bertanggungjawab untuk:
- (i) Mengenakan cukai perkhidmatan ke atas perkhidmatan bercukai,
 - (ii) Mengeluarkan invoice dan resit kepada pelanggan berkenaan dengan apa-apa transaksi yang berkaitan dengan penyediaan perkhidmatan bercukai,
 - (iii) Mengemukakan penyata cukai perkhidmatan SST-02 secara elektronik/manual dan membayar cukai perkhidmatan sebelum tarikh tamat tempoh,
 - (iv) Menyimpan rekod yang sewajarnya berhubung dengan transaksi cukai perkhidmatan.
30. Untuk maklumat lanjut mengenai tanggungjawab orang berdaftar, sila rujuk **Panduan Umum Cukai Perkhidmatan**.

SOALAN-SOALAN LAZIM

- 1. S : Siapakah yang perlu berdaftar cukai perkhidmatan?**

J : Mana-mana orang yang memberikan perkhidmatan pembersihan yang berhubung dengan barang, tanah atau bangunan komersial atau industri di Malaysia sekiranya nilai perkhidmatan bercukai mencapai nilai ambang dalam tempoh 12 bulan yang lalu atau dalam masa 12 bulan akan datang.

- 2. S : Bagaimanakah cara menghantar penyata dan membuat bayaran cukai perkhidmatan?**

J : Orang berdaftar perlu mengemukakan penyata cukai perkhidmatan melalui borang SST-02 secara elektronik atau manual. Bayaran cukai perkhidmatan perlu dibayar secara elektronik atau cek yang perlu dipos ke Pusat Pemprosesan Kastam Kelana Jaya.

- 3. S : Adakah orang berdaftar perlu mengeluarkan invois?**

J : Ya. Orang berdaftar perlu mengeluarkan invois ke atas semua perkhidmatan bercukai yang diberikan.

- 4. S : Pusat Dobi Aulia menerima sejadah daripada Surau Taman Seroja untuk dicuci. Adakah perkhidmatan mencuci sejadah tertakluk kepada cukai perkhidmatan?**

J : Perkhidmatan mencuci sejadah tidak tertakluk kepada cukai perkhidmatan kerana sejadah digunakan untuk tujuan keagamaan.

- 5. S : Perniagaan Pembersihan Hakim menerima kontrak untuk membersihkan bangunan Kementerian Pendidikan Malaysia di Putrajaya. Adakah perkhidmatan pembersihan tertakluk kepada cukai perkhidmatan?**

J : Perkhidmatan pembersihan bangunan Kementerian Pendidikan Malaysia adalah tertakluk kepada cukai perkhidmatan kerana bangunan tersebut tidak digunakan bagi tujuan pendidikan.

6. S : A.Rashid Car Wash mempunyai ibu pejabat perniagaan di Pulau Langkawi dan memiliki 10 outlet mencuci kenderaan di Kedah dan termasuk 2 outlet di Pulau Langkawi. Adakah A.Rashid Car Wash perlu berdaftar cukai perkhidmatan?

J : A.Rashid Car Wash perlu berdaftar cukai perkhidmatan sekiranya nilai tahunan perkhidmatan yang diberikan melebihi nilai ambang dan mengenakan cukai perkhidmatan ke atas perkhidmatan bercukai selain dari perkhidmatan oleh outlet di Pulau Langkawi.

7. S : Hafilz Cleaning Services mendapat tender untuk membersihkan Akademi Kastam Diraja Malaysia untuk tempoh 2 tahun mulai 1 Januari 2019 yang bernilai RM 1,000,000. Apakah layanan cukai perkhidmatan bagi perkhidmatan pembersihan tersebut?

J : Hafilz Cleaning Services perlu berdaftar di bawah Akta Cukai Perkhidmatan 2018. Perkhidmatan pembersihan yang diberikan oleh Hafilz Cleaning Services adalah tertakluk kepada cukai perkhidmatan mulai 1 Mac 2019.

PERTANYAAN

Sebarang panduan berkaitan panduan ini sila berhubung:

Bahagian Cukai Dalam Negeri (SST)
Jabatan Kastam Diraja Malaysia
Aras 3 - 7, Blok A, Menara Tulus,
No. 22, Persiaran Perdana, Presint 3,
62100 Putrajaya.

BANTUAN SELANJUTNYA DAN INFORMASI BERKAITAN SST

Informasi selanjutnya boleh didapati di:

- (i) Laman Web SST : <https://mysst.customs.gov.my>
- (ii) Pusat Panggilan Kastam
 - Tel : 03-7806 7200 / 1-300-888-500
 - Fax : 03-7806 7599
 - Email: ccc@customs.gov.my

RINGKASAN PINDAAN PADA DOKUMEN

Versi 2 - 22 Januari 2019

Para	Keterangan
Para 25	<p>Menggantikan para 25:</p> <p><i>Perkhidmatan pembersihan merupakan satu perkhidmatan bercukai yang mula berkuatkuasa pada 1 Januari 2019.</i></p>
Para 26	<p>Menggantikan para 26:</p> <p><i>Bagi tujuan pendaftaran di bawah Akta Cukai Perkhidmatan 2018, mana-mana orang yang memberikan perkhidmatan pembersihan hendaklah membuat pengiraan ke atas jualan perkhidmatan bercukai yang diberikan pada bulan Januari 2019 dan sebelas bulan sebaik sahaja bulan Januari 2019. Sekiranya jumlah nilai perkhidmatan bercukai tersebut melebihi RM500,000, permohonan untuk tujuan pendaftaran perkhidmatan bercukai tersebut hendaklah dipohon tidak lewat dari 28 Februari 2019.</i></p>
Para 27	<p>Memasukkan para 27:</p> <p><i>Pendaftaran mula berkuatkuasa mulai 1 Mac 2019 seperti yang diperuntukkan di bawah Seksyen 13(3), Akta Cukai Perkhidmatan 2018 dan cukai perkhidmatan hendaklah dikenakan mulai 1 Mac 2019.</i></p>
Para 28	<p>Memasukkan para 28:</p> <p><i>Mana-mana orang yang menjadi orang berdaftar sebelum 1 Januari 2019 dan memberi perkhidmatan bercukai baru ini di mana nilai perkhidmatan bercukai untuk tempoh Januari 2019 dan sebelas bulan ke hadapan dijangka melebihi RM500,000, permohonan penambahan aktiviti perkhidmatan baru ini hendaklah dibuat sebelum 28 Februari 2019. Cukai perkhidmatan ke atas perkhidmatan baru ini hendaklah dikenakan mulai 1 Mac 2019.</i></p>